

SOALAN NO: 484

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan setiap tahun mulai tahun 2013 di kawasan Parlimen Gopeng.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak RM3.37 juta telah diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Gopeng, Perak untuk membiayai 157 program/projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.71 juta telah diluluskan pada tahun 2013 untuk pelaksanaan 95 program/projek, sebanyak RM0.48 juta pada tahun 2014 bagi pelaksanaan 60 program/projek dan sebanyak RM0.17 juta pada tahun 2015 (sehingga 13 Mac 2015) bagi pelaksanaan dua (2) program/projek.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE
KAWASAN : GOPENG

SOALAN:

YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jalan A1 Kampar-Ipoh akan dilebarkan keseluruhannya menjadi jalan dua lorong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti 4 lokasi Jalan Persekutuan FT01 dari Kampar ke Ipoh yang dicadang untuk dinaikkan taraf dalam RMKe-11 (2016 – 2020), iaitu melibatkan lokasi Jalan Kg. Bikam ke Kampar; Jalan Kampar ke Mambang Di Awan; Jalan Kg. Malaya ke Gopeng; dan Jalan dari Ipoh ke Gopeng. Skop projek ini melibatkan cadangan menaikkan taraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5, menambah laluan khas motosikal di bahu jalan, dan membaik pulih kawasan yang kerap berlaku kemalangan ('blackspots'). Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan senarai projek RMKe-11 yang akan diumumkan Kerajaan pada bulan Jun 2015 nanti.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (486)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

SOALAN :-

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan untuk memulihkan pembinaan kedai-kedai yang tergendala di Simpang Pulai dan di tepi Jalan Lembah Permai Utama, Batu Gajah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara rancangan pemulihan pembinaan kedai-kedai yang tergendala di Simpang Pulai dan di tepi Jalan Lembah Permai Utama, Batu Gajah ialah:-

- a) Di bawah strategi Komuniti Yang Sejahtera iaitu Sub Strategi (7): Mempertingkatkan Daya Huni Petempatan Di Kawasan Majlis Daerah Batu Gajah, telah dimasukkan cadangan **membangunkan semula projek-projek perumahan dan perkedaian yang terbengkalai.**
- b) Cadangan ini juga melibatkan **pembersihan kawasan persekitaran dari semak samun** bagi memastikan kawasan 'brownfield' tidak terus terbiar yang menjurus risiko keselamatan dan kesihatan kepada penduduk setempat. Fasa pembangunan bagi cadangan ini adalah dalam tempoh 2018-2020.

c) Bagi kes di **Kampung Kepayang Simpang Pulai**:-

Rumah-rumah kedai sedia ada di sepanjang Jalan Gopeng merupakan **rumah kedai yang usang dan tidak ekonomik lagi**. Pemilik-pemilik rumah kedai ini telah bersetuju melalui perbincangan dengan Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah serta Majlis Daerah Batu Gajah supaya unit-unit rumah kedai usang ini akan **dirobohkan secara berperingkat dan proses pembayaran pampasan juga dilaksanakan secara berperingkat**. Rumah-rumah kedai usang ini akan dirobohkan bagi tujuan pelebaran Jalan Gopeng (Jalan Persekutuan 1). Proses perbincangan bersama semua pihak yang berkepentingan bermula sejak 2014. Kedudukan pada masa ini adalah diperingkat akhir iaitu, urusan bayaran pampasan tanah.

d) Bagi kes di **Taman Lembah Permai, Batu Gajah, Perak**:-

Pihak Majlis Daerah Batu Gajah maklumkan telah mengambil inisiatif berbincang dengan pihak pemaju/ pemilik tanah untuk **membangunkan semula projek pembangunan yang terbengkalai tersebut**. Melalui perbincangan ini, **pihak pemaju telah bersetuju**

untuk menyambung semula projek yang terbengkalai ini dalam masa terdekat (pertengahan 2015).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015